

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HGG 451 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam EMPAT (4) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Jelaskan perbezaan utama di antara hipotesis pengutuban dengan model-model ketidakseimbangan wilayah yang lain. Pada pendapat anda sejauh mana model pengutuban ini berjaya dalam menjelaskan fenomena ketidakseimbangan wilayah di negara-negara membangun.
(25 markah)
2. Dengan merujuk kepada kes negara-negara membangun, sejauhmana anda bersetuju kepada pendapat yang mengatakan bahawa peningkatan dalam tahap pembangunan ekonomi negara akan dengan sendirinya dapat menyelesaikan masalah wilayah.
(25 markah)
3. Jelaskan maksud industri perejam dan huraikan peranan industri jenis ini dalam teori kutub pertumbuhan.
(25 markah)
4. Bincangkan kesesuaian strategi perancangan lembangan sungai komprehensif di negara-negara membangun.
(25 markah)
5. Pada pendapat anda adakah wajar negara-negara membangun meneruskan dasar perancangan wilayah dalam keadaan kemelesetan ekonomi.
(25 markah)

.../2

6. Bincangkan model-model di dalam proses penggubalan Dasar Pembangunan Negara di Malaysia. (25 markah)
7. [a] Jelaskan unsur-unsur penting model input-output dan nyatakan kegunaannya? (10 markah)
- [b] Berdasarkan jadual Pekali Langsung dan jadual Pekali Langsung dan Tidak Langsung di bawah, kira dan penuhkan ruangan kosong jadual 3 dan 4. (10 markah)
- [c] Apakah yang boleh anda tafsirkan dari jadual 3 dan 4 di bawah. (5 markah)

JADUAL 1
Pekali Langsung Negara A

	Pengeluaran pertanian	Pemprosesan pertanian	Perkilangan dan perlombongan	Perkhidmatan
Pengeluaran pertanian	0.23	0.39	0.00	0.01
Pemprosesan pertanian	0.26	0.14	0.00	0.00
Perkilangan & perlombongan	0.04	0.05	0.29	0.10
Perkhidmatan	0.14	0.14	0.17	0.22
Isirumah	0.31	0.14	0.29	0.45
Input Primer lain	0.22	0.14	0.25	0.22
JUMLAH:	1.00	1.00	1.00	1.00

JADUAL 2
Pekali Langsung dan Tidak Langsung

	Pengeluaran pertanian	Pemprosesan pertanian	Perkilangan dan perlombongan	Perkhidmatan
Pengeluaran pertanian	1.35	0.61	0.1	0.01
Pemprosesan pertanian	0.09	1.21	0.00	0.01
Perkilangan & perlombongan	0.13	0.17	1.45	0.20
Perkhidmatan	0.29	0.37	0.32	1.32

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

JADUAL 3

Kesan Langsung Pendapatan, Kesan Langsung dan Tidak Langsung Pendapatan, dan Pendarab Pendapatan

	Kesan Langsung Pendapatan (Isirumah)	Kesan Langsung/ Tidak Langsung Pendapatan	Pendarab Pendapatan
Pengeluaran pertanian	0.31	-----	-----
Pemprosesan pertanian	0.14	-----	-----
Perkilangan & perlombongan	0.29	-----	-----
Perkhidmatan	0.45	-----	-----

JADUAL 4

Kesan Langsung Gunatenaga, Kesan Langsung dan Tidak Langsung Gunatenaga, dan Pendarab Gunatenaga

	Kesan Langsung Pendapatan (Isirumah)	Kesan Langsung/ Tidak Langsung Pendapatan	Pendarab Pendapatan
[Pekerja-Tahun per juta ringgit output]			
Pengeluaran pertanian	18.24	-----	-----
Pemprosesan pertanian	32.22	-----	-----
Perkilangan & perlombongan	37.23	-----	-----
Perkhidmatan	68.34	-----	-----